

ZORATADINE SYRUP

Loratadine (5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZORATADINE SYRUP
2. Bagaimana ZORATADINE SYRUP berfungsi
3. Sebelum mengambil ZORATADINE SYRUP
4. Cara menggunakan ZORATADINE SYRUP
5. Semasa menggunakan ZORATADINE SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZORATADINE SYRUP
8. Maklumat Lanjut
9. Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengilang
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang ZORATADINE SYRUP. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan ZORATADINE SYRUP

ZORATADINE SYRUP digunakan untuk melegakan gejala yang berkaitan dengan alahan rinitis (radang membran mukus hidung) seperti bersin, hidung berair (rinorea), gatal-gatal dan juga mata (okular) gatal dan pedih. Ia juga digunakan untuk melegakan gejala dan tanda-tanda urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul) kronik dan gangguan dermatologi (kulit) alergi yang lain.

Bagaimana ZORATADINE SYRUP berfungsi

ZORATADINE SYRUP mengandungi Loratadine sebagai bahan aktif.

Loratadine tergolong dalam sejenis ubat yang dikenali antihistamina, Ia

berfungsi dengan menghalang tindakan histamina, sejenis bahan yang menyebabkan gejala alergi.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum mengambil ZORATADINE SYRUP

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ZORATADINE SYRUP sekiranya:

- Anda mempunyai alahan kepada loratadine atau mana-mana bahan yang terkandung dalam ubat ini.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan perubatan seperti yang berikut:

- Masalah hati

Kehamilan dan penyusuan badan:

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ZORATADINE SYRUP jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung.

Loratadine dikumuhkan ke dalam susu ibu. Disebabkan oleh peningkatan risiko terhadap antihistamina pada bayi, anda harus memutuskan samada untuk terus menyusukan bayi atau menghentikan pengambilan ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor or ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk semua yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Ubat yang memberi kesan kepada hati harus digunakan dengan berhati-hati.

Cara menggunakan ZORATADINE SYRUP

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas:
Dua sudu 5ml (10ml) sekali sehari.

Kanak-kanak berumur 2-12 tahun:
Berat badan > 30kg – Dua sudu 5ml (10mg) sirup sekali sehari.

Berat badan ≤ 30kg – Satu sudu 5ml (5mg) sirup sekali sehari.

- Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Ini bergantung kepada setiap individu. Dapatkan nasihat daripada doktor anda tentang tempoh yang tepat untuk mengambil ubat ini.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sejeurus selepas anda ingat. Jika sudah tiba masa untuk dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlepas dan ambil ubat pada waktu berjadual tetap yang berikutnya.

Jangan menggandakan pengambilan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom terlebih dos yang telah dilaporkan adalah;

- Mengantuk
- Takikardia (kadar denyutan jantung yang cepat)
- Sakit kepala

Segera telefon doktor anda untuk nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ZORATADINE SYRUP.

Semasa menggunakan ZORATADINE SYRUP

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda serta-merta jika anda mengalami ketika sedang mengambil ubat ini.

Jika anda bercadang untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil ZORATADINE SYRUP.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan ZORATADINE SYRUP kepada sesiapa sahaja, walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda tidak harus memandu atau mengendalikan mesin/jentera sehingga kesan sampingan ZORATADINE SYRUP terhadap anda telah dikenalpasti.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil ZORATADINE SYRUP berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Seperti ubat-ubat lain, ZORATADINE SYRUP boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatnya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah;

- Kelelahan
- Sakit kepala
- Mengantuk
- Mulut kering
- Gangguan gastrousus seperti loya, gastritis (radang perut)
- Simptom alahan seperti ruam

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan ZORATADINE SYRUP

- Penyimpanan

Pastikan botol ubat tertutup rapat. Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Jauhi daripada kanak-kanak

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna ZORATADINE SYRUP

ZORATADINE SYRUP adalah cecair sirap jernih yang likat, berwarna jerami dengan perisa ceri.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap 5ml mengandungi 5mg Loratadine.

Bahan-bahan tidak aktif:

Sodium Benzoate, Propylene Glycol, Sucrose, Citric Acid, Sodium Citrate, Cherry Flavor, Disodium Edetate, dan Purified Water.

- Nombor MAL

MAL10053669AZ

Pemegang Pendaftaran Produk dan Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/09/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)240815/00277